

57 kemalangan melibatkan ambulans daripada 137 hospital setiap tahun

KUALA LUMPUR - Secara purata, sebanyak 57 kes kemalangan melibatkan ambulans dicatat pada setiap tahun sejak lima tahun lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai ketika memberitahu persidangan Dewan Rakyat semalam berkata, jumlah itu termasuk kemalangan kecil yang tidak melibatkan kecederaan atau kematian.

“Statistik kemalangan ini adalah daripada 137 buah hospital dan lebih 800 klinik kesihatan kelolaan Kementerian di seluruh negara.

“Kini, terdapat 1,402 buah ambulans di seluruh hospital dan fasiliti kesihatan,” katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Ismail Abdul Mutallib (BN-Marang) yang mahu tahu bilangan kakitangan dan staf sokongan Kementerian itu yang terlibat dalam kemalangan semasa menjalankan tugas dan langkah-langkah mengurangkan risiko itu.

Tiong Lai berkata, ambulans yang dibekalkan mempunyai ciri keselamatan yang dimasukkan dalam spesifikasi kenderaan.

“Sebelum diserahkan kepada hos-



ANTARA kemalangan yang membabitkan ambulans pada tahun ini di Ayer Keroh, Melaka.

pital, pemeriksaan dilakukan Jabatan Pengangkutan Jalan, Puspakom dan Jabatan Kerja Raya untuk memastikan kenderaan selamat digunakan.

“Penyelenggaraan juga dilakukan secara berjadual,” katanya.

Jelas beliau, pemandu ambulans diberikan latihan mengenai pemanduan berhemah yang mengandungi modul

teori dan praktikal serta dipantau rapi oleh penolong pegawai perubatan kanan di peringkat hospital.

Mengenai pemandu ambulans pusat perubatan swasta, Tiong Lai memberitahu, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan pihak tersebut termasuk dengan St. John's Ambulance dan Persewaan Bulan Sabit Merah. - Bernama